

Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016

Melaka negeri paling sejahtera di Malaysia

BANDARAYA MELAKA 23 Mei - Mengikut Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) Malaysia 2016, Melaka telah mencapai skor tertinggi sebagai negeri paling sejahtera di Malaysia.

Secara keseluruhannya, indeks kesejahteraan keluarga Malaysia bagi Negeri Melaka adalah 8.28 pada skor maksimum 10 iaitu berada pada tahap yang tinggi melebihi peringkat kebangsaan iaitu 7.33 daripada skor maksimum 10.

Selain itu, Melaka adalah satu-satunya negeri yang mencapai skor melebihi 8. Dapudapa lapan domain yang telah dikenal pasti, mencatatkan skor domain tertinggi iaitu 8.78 dan domain keluarga dan teknologi komunikasi mencatatkan skor domain terendah iaitu 7.41. Dapudapa 23 indikator yang telah dikenal pasti, didapati indikator keselamatan keluarga mencatatkan skor tertinggi iaitu 9.11.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ir. Idris Haron berasa bangga apabila dimaklumkan bahawa Melaka ialah negeri paling sejahtera di Malaysia mengikut IKK 2016 dengan skornya sebanyak 8.28 mata.


"Saya amat yakin dan percaya metodologi pentadbiran serta kepimpinan memantapkan peranan penting untuk memacu sesebuah negeri itu ke muncu kejayaan seperti yang kita capai pada hari ini."

Idris berharap semua rakyat negeri Melaka terus memberi sokongan kepada kerajaan untuk memastikan masa depan anak cucu kita terjamin dan hidup dalam keadaan yang aman dan sejahtera.

"Bagi pihak seluruh kepimpinan negeri melaka, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih atas usaha yang diberikan selama ini. Kejayaan ini adalah milik kita semua," katanya dalam satu kenyataan.

SKOR IKK 2016 MENGIKUT NEGERI

BIL.	NEGERI	SKOR
1.	MELAKA	8.28
2.	PERAK	7.71
3.	JOHOR	7.61
4.	TERENGGANU	7.56
5.	SELANGOR	7.33
6.	KEDAH	7.32
6.	KELANTAN	7.32
8.	PULAU PINANG	7.31
9.	WILAYAH PERSEKUTUAN	7.15
10.	SABAH	7.10
11.	SARAWAK	7.09
12.	PERLIS	6.97
13.	NEGERI SEMBILAN	6.78
14.	PAHANG	6.72



KEDUDUKAN Melaka tertinggi seluruh negara mengikut Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) Malaysia 2016.

